

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JKA 413 - Manusia dan Persekitaran

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT soalan. Jawab soalan 1 (WAJIB) daripada Bahagian A, dan mana-mana TIGA soalan daripada Bahagian B. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

BAHAGIAN A (40 markah)

1. Jawab SEMUA soalan di bahagian ini.
 - (a) Jelaskan dengan contoh-contoh maksud 'ekosistem' dan 'biosfera'.
(10 markah)
 - (b) Apa itu debat alam?
(10 markah)
 - (c) Adakah kimia pertanian menyelesaikan masalah manusia?
(10 markah)
 - (d) Jelaskan fakta-fakta asas ekologi.
(10 markah)

BAHAGIAN B (60 markah)

Jawab TIGA soalan daripada bahagian ini.

2. Bincangkan bagaimana berbagai-bagai unsur dalam ekosistem saling berkerjasama dan bertindak balas antara satu sama lain.
(20 markah)
3. Sejauh manakah penggunaan teknologi dalam kehidupan manusia menjejaskan keseimbangan ekosistem alam.
(20 markah)
4. Apakah yang dapat anda perkatakan tentang pendekatan ekologi sebagai satu strategi penyelidikan dalam bidang ekologi manusia?
(20 markah)
5. Bagaimanakah nilai-nilai kemanusiaan dikaitkan dengan fenomena persekitaran.
(20 markah)
6. Jelaskan dengan contoh-contoh tentang Hukum Ekologi oleh Commoner.
(20 markah)

oooOooo